

16 NOV 1998  
APEC-NEWS-DANA/I  
DANA, ISU AIR KUASAI PERBINCANGAN MAHATHIR-GOH

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

KUALA ALUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Singapura Goh Chok Tong hari ini meneruskan perbincangan mereka mengenai cadangan republik itu membantu Malaysia mengumpulkan dana.

Bekalan air jangka panjang Malaysia ke Singapura turut juga diperbincangkan, Goh memberitahu pemberita selepas muncul daripada pertemuan dua hala dengan Dr Mahathir sebagai acara sampingan Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang akan bermula esok.

Perbincangan itu adalah susulan kepada pertemuan awal mereka yang diadakan di sini dua minggu lalu di mana mereka bersetuju untuk mengketepikan perbalahan antara kedua-dua buah negara dan sebaliknya bekerjasama ke arah mempererat lagi hubungan dua hala.

Hubungan Malaysia-Singapura menjadi tegang buat beberapa bulan lalu berhubung isu kastam, immigresen dan kuarantina serta kenyataan negatif mengenai bekas pemimpin-pemimpin Malaysia yang terkandung di dalam sebuah buku yang ditulis oleh bekas Perdana Menteri Singapura Lee Kuan Yew.

Di mesyuarat terakhir, Goh telah berikrar untuk membantu Malaysia mengumpulkan dana di republik tersebut yang bertujuan membiayai pemulihan ekonomi negara ini manakala Dr Mahathir pula memberi jaminan mengkaji tentang keperluan air republik itu dalam jangka panjang.

Mengenai isu air, Goh berkata: "Kita bukannya bercakap tentang keperluan segera tetapi sesuatu yang menjangkau tahun 2061.

"Terdapat pandangan yang bertembung," katanya apabila ditanya mengenai perbincangannya yang berlangsung selama 45 minit di Palace of the Golden Horses Hotel.

Goh berkata para pegawai kedua-dua buah negara akan membuat tindakan susulan dan "kita berharap ia dapat diselesaikan secara baik."

-- BERNAMA

ARA/MR MA